

**PERUTUSAN YBRS. TUAN Pengerusi Sempena
MESYUARAT JAWATANKUASA TUJUAN-TUJUAN AM BIL. 4/2019
BERTARIKH 24 MEI 2019**

1.1 SEMBAH TAKZIAH KEMANGKATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA AYAHANDA SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL MUADZAM SHAH

Dukacita dimaklumkan berita kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, pada jam 8.50 pagi, 17 Ramadan 1440 Hijrah, bersamaan 22 Mei 2019, di Institut Jantung Negara Kuala Lumpur.

Bagi pihak MPT dan warga Taiping, saya merafak sembah takziah kepada Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong, Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustafa Billah, serta kepada Duli Yang Maha Mulia Sultanah Hajah Kalsom binti Abdullah dan kerabat diraja Pahang.

Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah telah meninggalkan terlalu banyak jasa sebagai Sultan Pahang kelima dan Yang diPertuan Agong ketujuh kepada negara, negeri dan rakyat. Sebagai tanda bersedih dan berdukacita rakyat di negeri Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Maha Mulia, Sultan Nazrin Muizuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, menitahkan semua bendera di negeri Perak dikibarkan separa tiang sehingga selesai istiadat permakaman jenazah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah.

Bersama-sama kita mendoakan semoga roh Almarhum Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah, dirahmati dan mendapat belas ihsan daripada Allah SWT ditempatkan bersama-sama roh para solihin.

1.2 PROGRAM INISIATIF TAIPING BERSIH 90 HARI @ ITB90HARI

Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah memperkenalkan satu program yang dinamakan Inisiatif Taiping Bersih 90 Hari atau 'ITB 90 Hari' iaitu satu gerakan strategik untuk menjadikan Taiping sebagai bandar yang bersih dan terurus dari sudut pengurusan sampah terutama dalam kawasan bandar, di tempat-tempat pelancongan dan di taman-taman perumahan. Inisiatif ini melibatkan semua lapisan komuniti dan agensi dalam memastikan Taiping sentiasa bersih, mampan dan sejahtera. Majlis pelancaran 'ITB 90 Hari' telah berlangsung pada 7 Mei 2019 bertempat Wisma Perbandaran Taiping dan disempurnakan oleh Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Taiping.

Program Inisiatif Taiping Bersih 90 Hari merangkumi aktiviti dan acara, kempen, pengurusan sisa pepejal, pengurusan aduan, pembangunan sistem pemantauan, tindakan pemulihan aduan jangka masa pendek dan jangka masa panjang, penglibatan orang awam dalam menyalurkan idea dan maklumat dan banyak lagi. Inisiatif ini menunjukkan bahawa MPT benar-benar komited dalam usaha menangani isu-isu berkaitan kebersihan bandar Taiping dan taman-taman perumahan.

Untuk makluman, MPT telah membelanjakan hampir RM5.5 juta ringgit setahun untuk mengurus sisa pepejal di kawasan-kawasan operasi MPT. Ini bermakna perbelanjaan mengurus secara bulanan adalah sekitar RM450 ribu ringgit dengan kadar kutipan sehari kira-kira 380 ribu tan metrik. Sebanyak empat syarikat telah dilantik oleh MPT untuk menjalankan operasi kutipan sampah di lima bahagian zon kawasan termasuk pusat bandar Taiping dan melibatkan sebanyak 17 buah jentera.

MPT menerima kira-kira 600 aduan setahun berkaitan sampah dan kebersihan, termasuklah aduan-aduan longgokan sampah haram yang tidak pernah ada penghujung dan kesudahannya. Menerusi Inisiatif Taiping Bersih 90 Hari, MPT akan mengenal pasti punca aduan dan akan bersama-sama masyarakat untuk menangani. Dengan cara ini, MPT bukan sahaja dapat menguruskan tindakan pemulihan malahan dapat mendidik dan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap cara mengurus sampah dengan bijak. Di samping itu, MPT juga sedang

berusaha melaksanakan tindakan pemulihan jangka masa panjang bagi memastikan jumlah sampah yang dibawa ke tapak pelupusan dikurangkan, iaitu hanya sampah yang benar-benar perlu untuk dilupuskan. Bahan buangan seperti botol-botol plastik, tin aluminium, bekas-bekas kaca, kertas plastik dan sebagainya dikumpul untuk dikitar semula. MPT juga telah memulakan langkah mengharamkan penggunaan polisterin dan bekas-bekas plastik sekali guna di premis- premis perniagaan milik MPT dan berharap seluruh premis perniagaan lain juga mengamalkan langkah yang sama.

Justeru, MPT menyeru agar seluruh warga Taiping bersama-sama memberikan sokongan terhadap usaha-usaha MPT dalam menjadikan Taiping sentiasa bersih, mampan dan sejahtera. MPT akan terus memantau dan memastikan aduan-aduan akan diberikan perhatian sewajarnya dan seboleh-bolehnya diselesaikan mengikut tatacara yang betul.

1.3 MPT MENERIMA ANUGERAH MAJIKAN PRIHATIN OLEH CUEPACS

MPT telah menerima Anugerah Majikan Prihatin Peringkat Negeri Perak sempena Sambutan Hari Pekerja Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) 2019 pada 2 Mei 2019 bertempat di Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak. Anugerah ini adalah bagi menghargai majikan yang prihatin terhadap kebajikan dan hal ehwal kakitangannya. Ia juga merupakan hasil usaha MPT yang sentiasa menjaga kebajikan warga kerja dalam usaha mewujudkan keharmonian diantara majikan dan kakitangan. Anugerah disampaikan oleh YB Menteri Sumber Manusia, M. Kulasegaran, YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Hal Ehwal Pengguna, Masyarakat Sivil, Integrasi Nasional dan Sumber Manusia, Tuan A. Sivanesan dan Presiden CUEPACS, Dato' Azih bin Muda, dan barisan EXCO Kerajaan Negeri Perak. MPT menerima hadiah berupa piala iringan, sijil dan wang tunai bernilai RM 1,500.

1.4 MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPT KALI KE - 26

Pada 15 Mei yang lepas, Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan MPT kali ke 26 telah berlangsung dengan kehadiran 298 orang ahli. Mesyuarat dirasmikan oleh YDP dan diserikan lagi dengan kunjungan hormat YB Teh Kok Lim yang berbesar hati untuk mengedarkan buah kurma kepada semua ahli KS&K yang hadir pada mesyuarat pada kali ini.

Seramai 7 calon dari pegawai / kakitangan pejabat dan 3 orang kakitangan kumpulan sokongan / mahir telah menang tanpa bertanding dan 5 lagi ahli Jawatankuasa akan dilantik secara lantikan oleh YDP. Majlis juga diteruskan lagi dengan Anugerah Pelajar Cemerlang anak kakitangan MPT yang cemerlang pada peperiksaan UPSR, PT3, dan SPM pada tahun 2017 dan 2018. Turut dilancarkan juga adalah Tabung Sumbangan Palestin dan Syria dengan wang kutipan sebanyak RM 2,280 telah disumbangkan oleh ahli kelab semasa mesyuarat berlangsung. Kelab Sukan dan Kebajikan MPT diwujudkan bagi mengatur dan melaksanakan segala aktiviti sukan dan rekreasi kakitangan MPT di samping menjaga kebajikan ahli kelab yang ditimpa bencana atau sakit sekadar yang mampu.

1.5 KISAH VIRAL ENCIK HUSSIN BIN KASSIM WARGA TAIPING YANG PRIHATIN

"By doing what you love, you inspire & awaken the hearts of other". Kata-kata ini diambil dari '*Famous Quote*' dan dilihat bersesuaian dengan prinsip yang menjadi pegangan hidup Hussin bin Kassim, seorang warga Taiping prihatin yang kisahnya menjadi tular setelah dipaparkan dalam FB Majlis Perbandaran Taiping pada 15 Mei lalu yang dilihat membersihkan Kawasan pejalan kaki antara IPD Taiping dan Galeri Perbandaran Taiping, iaitu di Jalan Ong Saik secara sukarela.

Tulisan tersebut telah dikongsi oleh ramai netizen dan pihak media sehingga menjadikan Hussin '*Famous*' seketika tanpa disedarinya. MPT telah menerima banyak pertanyaan dari

pelbagai pihak termasuk netizen yang berhasrat untuk menghulurkan sumbangan peribadi mereka kepada Hussin.

Untuk makluman, Hussin telah dijemput untuk bersiaran di radio Perak FM pada 23 Mei 2019 (Khamis) jam 12.15 tengahari dalam program 'UNTUK KOME AJE' untuk berkongsi kisahnya bersama-sama tetamu yang lain.

1.6 SIARAN LANGSUNG PERLAWANAN AKHIR LIGA JUARA-JUARA EROPAH

Semua warga Taiping dijemput untuk menghadiri tayangan 'Big Screen' siaran langsung perlawanan akhir Liga Juara-juara Eropah, Tottenham Hotspur FC menentang Liverpool FC, Juara 5 kali dan juga finalis tahun lalu pada 2 Jun 2019 bertempat di Dataran Warisan pada jam 2.45 pagi. Antara acara sampingan adalah acara Sahur Perdana dengan 1000 bungkus Nasi Lemak dan air minuman akan diedarkan kepada orang awam. Program ini adalah tajaan YB Tuan Nga Kor Ming, Timbalan Yang di-Pertuan Dewan Rakyat merangkap Ahli Parlimen Teluk Intan dan ADUN Aulong, YB Tuan The Kok Lim, Ahli Parlimen Taiping, YB Ir. Dr. Tuan Muhd Fadhil Nuruddin, ADUN Kamunting, dan YB Tuan Leow Thye Yih, ADUN Pokok Assam.

1.7 PENGISIAN PROGRAM SEPANJANG BULAN RAMADAN 1440

Bersempena dengan kedatangan Bulan Ramadan, Bahagian Korporat, Perhubungan Awam, dan Pelancongan selaku Urus Setia dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan MPT serta Persatuan ANULAE Perak Utara telah merancang dan melaksanakan beberapa program bagi memanfaatkan kehadiran bulan yang mulia ini. Antara program yang telah dilaksanakan adalah :

- i. Kuliah Agama 'Kehadiran Mu Memang Ku Nanti' oleh Al-Fadhil Ustaz Zakaria Nasiruddin, Pengasas Kaedah Haraki pada 3 Mei 2019 yang lepas;
- ii. Pengajian Hadis Pilihan oleh Al-Fadhil Ustaz Emran bin Haji Ahmad, Penceramah Bebas pada setiap hari bermula 6 Mei

hingga 31 Mei 2019 kecuali cuti am dan hujung minggu pada jam 8.15 pagi hingga 9.15 pagi di Dewan Teratai, Tingkat 7, Wisma MPT. Orang awam adalah dijemput untuk turut hadir bersama;

- iii. Program Gotong-Royong Bubur Lambuk pada 23 Mei 2019. Sebanyak 600 bubur lambuk telah diedarkan kepada semua jabatan dan bahagian;
- iv. Program Ziarah Kakitangan dan Pesara MPT yang kurang berkemampuan bersama YDP pada 27 Mei hingga 31 Mei 2019. Sebanyak 20 ahli keluarga akan menerima sumbangan dan barang keperluan dapur bagi meringankan beban keluarga;
- v. Majlis berbuka puasa bersama YDP pada 30 Mei 2019 bertempat di Kediaman YDP; dan yang terakhir
- vi. Kuliah Agama bagi penutup pengisian program sepanjang bulan Ramadan pada 3 Jun 2019. Tajuk dan penceramah akan dimaklumkan kemudian oleh pihak Urus Setia.

Justeru, saya menyeru kepada semua warga MPT dan ahli-ahli Majlis mengambil peluang ini bagi menghadiri dan menyertai program-program yang telah disusun oleh pihak Urus Setia agar kita dapat bersama-sama menghayati semaksima mungkin bagi mengumpulkan pahala yang berlipat ganda di bulan Ramadan.

1.8 MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA MANTAN YANG DIPERTUA MPT

YBr. Tuan Pengerusi mengambil kesempatan merakam ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Haji Abd Rahim bin Md Ariff, Mantan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping yang telah berkhidmat di MPT selama 5 tahun dan bersara wajib mulai 8 April 2019 yang lalu. Semoga beliau diberi kesihatan yang baik bersama keluarga.